

Global



■ MARLISSA KAMAL

Budaya ini digelar *ala kachuu* atau 'culik dan lari'. Di Kyrgyzstan, sehingga 40 peratus wanita di negara itu berkahwin selepas diculik lelaki yang mahu menjadi suami mereka.

Dua pertiga daripada kes penculikan pengantin perempuan ini biasanya tanpa persetujuan mereka manakala dalam beberapa kes, ia adalah sebahagian daripada rancangan 'kahwin lari' di bawah perbuatan menyalahi undang-undang yang diamalkan sejak 1994.

Biasanya, bakal pengantin lelaki akan mengumpulkan rakannya dan mencari wanita yang mahu dikahwininya.

Wanita yang berjaya mencuri hatinya, kemudiannya diheret tanpa belas kasihan dan dibawa terus

Tradisi atau jenayah?

Sinar Amiran

m/s 21

7/11/16

ke rumah lelaki tersebut yang mana ahli keluarga lelaki tersebut biasanya telah membuat persediaan untuk majlis perkahwinan mereka.

Jika membuat carian *Kyrgyzstan bride kidnapping* di YouTube, anda akan dapat lihat kekejaman amalan itu.

Mangsa tradisi *ala kachuu* itu biasanya terdiri daripada wanita muda atau remaja perempuan yang berusia di bawah usia 18 tahun.

Ada pasangan menganggap amalan ini sebagai satu cara untuk mengelak daripada membayar

INFO

Di Afrika Selatan, budaya culik gadis dan dipaksa berkahwin digelar sebagai ukuthwala. Ia biasanya diamalkan di kawasan luar bandar Afrika Selatan terutamanya di Eastern Cape dan KwaZulu-Natal. Kebiasaannya mangsa adalah remaja bawah umur termasuk kanak-kanak seawal usia lapan tahun. Pada 2009, media melaporkan lebih 20 gadis Eastern Cape terpaksa berhenti sekolah pada setiap bulan akibat amalan ukuthwala tersebut.

hantaran kahwin atau berkahwin dengan pilihan mereka sendiri.


Akibat tindakan segelintir pasangan terbabit, beberapa pemerhati melihat ia sebagai bukan

sesuatu isu yang serius.

Perkara yang menjadi persoalan adalah walaupun budaya yang dilihat seakan menindas golongan wanita itu adalah satu jenayah di

SATU PER EMPAT WANITA DI DUNIA ADALAH PENGANTIN KANAK-KANAK

% Wanita telah berkahwin dalam kumpulan umur yang dinyatakan rantau



* Tidak termasuk China

**CEE/CIS : Eropah Timur dan Tengah dan Negara Merdeka Komanwel

Sumber: Unicef. Tinjauan Kebangsaan ke atas wanita berusia 20-24 (2005-2013)

Kyrgyzstan, pesal yang melakukan kesalahan itu jarang didakwa.

Laporan dikeluarkan Jawatankuasa Pembanterasan Diskriminasi terhadap Wanita (Cedaw) pada tahun lalu turut menzahirkan kebimbangan mereka terhadap amalan itu yang dibenarkan dalam masyarakat dan dilakukan sewenang-wenangnya.

Menurut Cedaw, masyarakat hanya mengambil pendekatan berdiam diri dan penculikan seumpama itu kurang dilaporkan kepada pihak berkuasa kerana dianggap sebagai 'isu peribadi'.

"Kerajaan sedang mengambil langkah untuk menangani isu ini, namun masih banyak perkara perlu dilakukan termasuk penguatkuasaan undang-undang sebenar, pen-

didikan awam dan memperkasakan wanita di Bishkek," jelas laporan itu yang turut menyatakan statistik rasmi berhubung budaya *ala kachuu* tidak pernah wujud.

Tahukah Anda?

Culik pengantin perempuan adalah tradisi kuno yang berasal dari Rom sebelum merebak ke bahagian lain di dunia secara berperingkat. Beberapa bahagian Rusia dan negara sekitarnya masih mengamalkannya, namun masih berpegang teguh kepada tradisi dan mematuhi undang-undang. Kini, ia dilarang oleh undang-undang Moscow tetapi masih diamalkan dengan cara yang telah diubah suai.



Tradisi culik dan lari atau ukuthwala juga berleluasa di beberapa kawasan di Afrika Selatan.